

Kawal iklan pinjaman wang dalam talian

SAUDARA PENGARANG,

APABILA seseorang itu menghadapi masalah kesempitan wang amat kritikal seperti melunaskan pinjaman tertunggak, selain daripada ah long, mereka akan melakukan carian di media sosial.

Kesempatan itu digunakan syarikat pemberi pinjaman wang yang mendakwa mempunyai lesen untuk menipu. Menerusi laman web yang dibuat secara profesional sama seperti institusi kewangan sah mereka akan menawarkan pelbagai jenis pinjaman wang menarik. Perkara itu dibuat semata-mata untuk memasang umpan.

Sudahlah orang itu menghadapi masalah kewangan, syarikat penipu yang mendakwa berlesen itu tanpa belas kasihan mengambil kesempatan. Setelah diisi segala butiran seperti penyata gaji dan profil diri secara dalam talian; tidak sampai satu jam, ejen syarikat itu akan menghubungi bakal peminjam menyatakan pinjaman telah diluluskan.

Tetapi untuk

membolehkan wang pinjaman dimasukkan ke dalam akaun, peminjam dikehendaki menjelaskan sejumlah wang untuk bayaran proses dan insurans secara berperingkat-peringkat. Mangsa terpaksa bergolok-bergadai untuk membayar wang proses sebanyak RM1,000 kerana dijanjikan tidak sampai tiga jam wang pinjaman akan dimasukkan ke dalam akaun mereka.

Setelah bayaran dibuat, mereka sekali lagi dihubungi ejen syarikat agar menjelaskan wang insurans pula. Akhirnya wang daripada peminjam lesap dan duit pinjaman seperti dijanjikan tidak dapat.

Oleh itu, saya menyeru pihak berwajib memantau fenomena lambakan iklan menawarkan pinjaman wang di media sosial. Pastikan hanya syarikat yang betul-betul jujur yang boleh mengiklankan perkhidmatan mereka.

Mungkin kerajaan boleh mengeluarkan garis panduan, syarikat itu tidak dibenarkan meminta wang proses sebelum pinjaman diluluskan. Kerajaan juga perlu mewujudkan

lebih banyak skim pemberian pinjaman alternatif bagi mereka yang disenaraihitamkan oleh syarikat kewangan.

LEBAI MALANG

Arau, Perlis



SELAIN di tiang-tiang jambatan, wujud juga fenomena lambakan iklan menawarkan pinjaman wang dalam media sosial. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

* ADUAN TELAH DIDAFTARKAN DI SISTEM ADUAN BERSEPADU (SAB) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.